

HUBUNGAN FUNGSI MASJID (PUSAT ISLAM) SEBAGAI PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PENGHAYATAN ISLAM DI IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM, BANGI.

Oleh:

Bani Hidayat Mohd Shafie Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor

Nor Hayati Fatmi Talib Ph.D
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.

Abstrak

Kertas ini adalah untuk meninjau hubungan fungsi masjid (Pusat Islam) sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran dan penghayatan Islam di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Kajian ini berbentuk tinjauan untuk mencari maklumat tentang persepsi pelajar berdasarkan maklum balas dari satu set soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar di IPG Kampus Pendidikan Islam. Kajian ini telah melibatkan 233 pelajar-pelajar semester 8 yang dipilih secara rawak. Respons skala likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan min, sisihan piawai, peratusan dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (min=4.38, sp=0,381) pusat penghayatan Islam adalah tinggi (min=4.22, sp=0,433) . Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pusat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan penghayatan Islam dan berdasarkan pelajar telah ditandakan pada nilai ($r= 0,581$, $p < 0.01$). Implikasi kajian menunjukkan bahawa fungsi masjid (Pusat Islam) dapat mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan penghayatan Islam pelajar.

Kata kunci : Masjid (Pusat Islam), pengajaran dan pembelajaran, Institut Pendidikan Guru. pendidikan Islam, penghayatan Islam.

1.0 PENDAHULUAN

Masjid merupakan rumah ibadah bagi umat Islam mengerjakan solat berjamaah secara beramai-ramai disamping dapat mengukuhkan ukhuwah Islamiyah sesama Islam. Dalam Konteks di Institut Pendidikan Guru (IPG) di setiap kampus, masjid juga dinamakan sebagai Masjid (Pusat Islam) yang menawarkan pelbagai ilmu-ilmu berkaitan Islam untuk warga kampus dan masyarakat luar kampus. Fungsi masjid (Masjid (Pusat Islam)) ini tidak hanya tertumpu hanya untuk menunaikan ibadat solat sahaja tetapi ia adalah

tempat untuk menanamkan semangat mencintai agama dan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam serta meningkat penghayatan Islam dalam kalangan para pelajar dan warga kampus. Masjid (PI) juga boleh dijadikan makmal pendidikan Islam yang mampu mengaplikasikan teori dan amali terutamanya berkaitan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi melengkapkan diri menjadi seorang muslim yang berilmu, beriman dan beramal soleh. Keistimewaan di masjid (PI) sama seperti surau ataupun musola di Malaysia ini kerana aspek prasarana yang dapat membantu pelajar dalam memahami teori dan praktis dalam Pendidikan Islam serta sebagai pusat kegiatan Pendidikan Islam di sekolah (Jasmi Amin et al. 2010, Kamarul Azmi & Mohd Faez 2011). Dalam konteks pendidikan Islam masa kini, masjid (PI) Islam ini merupakan sebuah institusi yang perlu diimarahkan daripada aspek penggunaannya secara menyeluruh. Model Masjid Nabawi yang dirintis oleh Rasulullah SAW perlu dijadikan panduan sebagai pemangkin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPG Kampus Pendidikan Islam khususnya dan IPG Kampus di seluruh Malaysia amnya.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masjis (Pusat Islam) Dalam Pendidikan Islam Di IPG

Dalam konteks perkembangan pendidikan Islam di sekolah umumnya dan IPG khususnya. Hampir semua sekolah di Malaysia khususnya dan IPG amnya pelajar Islam telah mempunyai masjid, surau atau musolla mereka sendiri. Bilangan surau sekolah di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia telah melalui proses pertambahan dan mengikut statistik Kementerian Pelajaran Malaysia bahawa surau sekolah telah mencecah 1,765 buah surau sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia 2011). Manakala IPG kampus di Malaysia pula mempunyai 27 kampus dan mempunyai masjid (pusat Islam) membolehkan pelajar-pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah ataupun IPG (Ab. Halim at al. 2003; Mohd Ismail & Kamarul Azmi 2008). Justeru, Masjid (Pusat Islam) di IPG perlu dikembangkan demi menjadikannya salah sebuah institusi pendidikan yang cemerlang terutamanya dalam konteks Pendidikan Islam.

Jika dilihat dari segi tujuan pembinaan Masjid (Pusat Islam) di IPG menyamai tujuan pembinaan surau sekolah. Antara lain tujuannya ialah untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam serta meningkat penghayatan Islam di kalangan para pelajar. Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa surau-surau sekolah bukan sahaja sebagai tempat pelajar untuk menunaikan sembahyang, tetapi lebih kepada untuk menjadi "Pusat Pendidikan Rohani". Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengharap agar semua aktiviti yang berbentuk kurikulum dan ko-

kurikulum yang sesuai dapat dilaksanakan di dalam surau sekolah bagi melaksanakan teori-teori yang diajar di dalam bilik darjah. Justeru, fungsi utama masjid (pusat Islam) IPG dan surau sekolah seriiing sebagai tempat melaksanakan ibadat sembahyang dan menjalankan kegiatan amali pendidikan Islam untuk menanamkan semangat semangat mencintai agama dan menghayati ajaran Islam serta membina ruh persaudaraan Islam dalam kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar Islam (BPI 1989).

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Setelah lebih satu dekad pelaksanaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG kampus-kampus di Malaysia, masih kurang kajian mendalam yang dijalankan untuk meninjau berkaitan penggunaan Masjid (Pusat Islam) dalam PdP Pendidikan Islam di IPG. Keperluan Masjid (Pusat Islam) dewasa masa ini adalah amat penting dalam PISMP terutamanya untuk pelajar yang mengambil major Pendidikan Islam dan bahasa Arab kerana di antara matlamatnya ialah untuk mengaitkan antara teori dan praktis. Pelajar bukan sahaja perlu berketrampilan dalam bidang akademik, kokurikulum tetapi juga dalam amalan dan penghayatannya di IPG. Matlamat ini juga selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang mahu melahirkan insan yang kamil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini diperkukuhkan lagi dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia 2005).

Penggunaan Masjid (Pusat Islam) dalam PdP Pendidikan Islam masih di tahap minima dan tidak menepati hasrat matlamat penubuhan Masjid (Pusat Islam) untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPG di Malaysia. Namun apa yang berlaku di sekolah sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian yang berterusan sejak tahun 2007 sehingga 2019 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap penggunaan dan keberkesanan Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar dan pensyarah Pendidikan Islam masih boleh dipersoalkan terutamanya daripada aspek kemudahan fizikal, pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum Pendidikan Islam. Justeru, satu kajian yang mendalam untuk meninjau sejauhmanakah fungsi Masjid (Pusat Islam) di IPG sebagai pusat penghayatan Islam dan pengajaran dan Pendidikan Islam.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan pentadbiran soal selidik kepada pelajar semester 8 di IPG kampus Pendidikan Islam. Mohd. Majid (2000) berpendapat bahawa kelebihan utama menggunakan soal selidik ini ialah mudah ditadbir, mudah memperoleh kerjasama responden dan soalan-soalan yang dikemukakan serta cadangan-cadangan jawapan yang diberi memudahkan subjek

menjawab dengan tepat dan cepat. Pada asasnya pemilihan sampel dilakukan mengikut kaedah teknik persampelan rawak digunakan bagi memastikan pelbagai kategori pelajar diwakili dari populasi sebenar (Wiersma et al. 2000). Kesahan kandungan instrumen telah dibuat kepada sembilan orang pakar pengesahan instrumen dalam bidang pendidikan Islam yang terdiri daripada pensyarah IPTA (5 orang), pensyarah IPGM (3 orang), dan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (seorang). Kajian rintis telah dijalankan terhadap 45 orang pelajar dan tahap kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi seperti di dalam jadual 1:

Jadual 1: Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian.

Aspek IPG	Cronbach's Alpha	Standardized Item Alpha	Bil. Item	Objektif Kajian.
PdP Pendidikan Islam	0.833	0.933	15	
Pusat penghayatan Islam	0.872	0.924	14	

1. Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP PI di IPG Kampus Pendidikan Islam
2. Mengetahui pasti persepsi pelajar terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam di IPG Kampus Pendidikan Islam
3. Mengetahui pasti hubungan antara penghayatan Islam dengan PdP PI di IPG dalam kalangan pelajar

Persoalan Kajian

1. Adakah persepsi pelajar terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP PI di IPG Kampus Pendidikan Islam?
2. Adakah persepsi persepsi pelajar terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam di IPG Kampus Pendidikan Islam?
3. Adakah terdapat hubungan antara penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar?

Hipotesis Kajian

H₀₁ Tidak terdapat hubungan antara PdP PI dengan penghayatan Islam di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Profil Pelajar

Dari sesi profil sampel kajian mengikut jantina dan bidang pengkhususan, seperti dalam jadual 1 yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 1 : Profil

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	lelaki	105	45.1
		Perempuan	131	54.9
		Jumlah	233	100%
2	Bidang Pengkhususan	Major Pendidikan Islam	80	34.3
		Major Bahasa Arab	79	33.9
		Major Bahasa Melayu	40	17.2
		Major Pendidikan Awal Kanak-kanak	34	14.6
		Jumlah	233	100%

Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan dari segi tahap persepsi pelajar terhadap fungsi IPG sebagai pusat penghayatan Islam dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Nunnally (1978) dan diguna pakai oleh Azhar (2006) seperti jadual 2 berikut :

Jadual 2 : Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik:

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : Ubahsuai daripada Nunnally (1976) diguna pakai oleh Azhar (2006)

Persepsi pelajar tentang fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai Pusat Penghayatan Islam.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap persepsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam berada pada tahap tinggi dengan nilai purata

min keseluruhan adalah (min=4.22,sp=0.433). Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item mendapati tahap persepsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam berada pada tahap tinggi dan sederhana tinggi sahaja. Analisis keseluruhan bagi hasil kajian yang diperolehi dapat dirujuk menerusi Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi Masjid (Pusat Islam) Sebagai Pusat penghayatan Islam

Bil.	Item	Kekerapan & Peratus (N=233)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
B1	membina semangat mencintai Agama Islam	1 0.1%	1 0.3%	8 3.6%	83 35.8%	140 60.1%	4.55	0.59 4	Tinggi
B2	membentuk diri pelajar berakhlak mulia	1 0.1%	1 0.4%	9 4.1%	92 39.7%	130 55.9%	4.50	0.60 0	Tinggi
B3	berzikir mengingati Allah S.W.T.	1 0.2%	1 0.4%	15 6.7%	100 42.8%	117 49.9%	4.41	0.65 0	Tinggi
B4	sentiasa ikhlas dalam beramal	1 0.3%	1 0.7%	9 4.1%	116 49.8%	105 45.1%	4.38	0.63 1	Tinggi
B5	menambah pengetahuan tentang ilmu-ilmu Islam	1 0.1%	2 1.3%	14 6.0%	108 46.3%	108 46.3%	4.37	0.66 4	Tinggi
B6	mengamalkan sifat-sifat <i>mahmudah</i> (terpuji)	1 0.7%	1 0.9%	15 6.1%	114 48.9%	102 43.3%	4.33	0.69 4	Tinggi
B7	menginsafkan apabila mendengar bacaan al-Quran	1 0.2%	2 1.4%	19 7.5%	123 52.6%	89 38.2%	4.27	0.68 1	Tinggi
B8	mendorong suka membaca al-Quran	1 0.4%	2 1.0%	33 13.5%	110 46.7%	89 38.3%	4.21	0.74 2	Tinggi
B9	membina kekuatan jati diri	1 0.3%	2 1.7%	25 10.5%	122 53.2%	79 34.2%	4.19	0.71 1	Tinggi
B10	menanamkan roh persaudaraan dalam Islam	1 0.5%	5 2.9%	27 11.1%	119 51.3%	81 34.2%	4.15	0.76 8	Tinggi
B11	berlumba-lumba beramal soleh	5 2.6%	7 3.0%	30 13.6%	110 46.6%	79 34.3%	4.07	0.90 7	Tinggi
B12	menggilapkan bakat kepimpinan	2 1.0%	7 2.6%	51 21.6%	118 50.6%	55 24.2%	3.94	0.80 6	Sederhana Tinggi
B13	membantu dalam pelajaran	12 4.8%	25 11.1%	42 18.2%	49 21.1%	105 44.8%	3.90	1.22 3	Sederhana Tinggi
B14	berjaya membentuk semangat saling berkenalan	9 3.9%	26 11.2%	48 20.9%	61 26.2%	89 37.7%	3.82	1.16 5	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan							4.2 2	0.43 3	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3 di atas di dapati dapatan yang diperolehi daripada analisis menunjukkan bahawa item (B1) seramai 95.9 peratus responden bersetuju dan seramai 0.4 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.55, sp=0.594. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 14 item. Manakala tiga item iaitu

item (B12) seramai 74.8 peratus responden bersetuju dan seramai 3.6 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.94, $sp=0.806$, item (B13) seramai 65.9 peratus responden bersetuju dan seramai 15.9 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.90, $sp=1.223$, dan item (B14) seramai 63.9 peratus responden bersetuju dan seramai 15.1 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 3.82, $sp=1.165$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min yang sederhana tinggi.

Hasil dapatan ini bermakna aspek membina semangat mencintai agama Islam adalah salah satu faktor penting yang mendorong pelajar berminat untuk ke Masjid (Pusat Islam). Berdasarkan skor min item, faktor pelajar ingin meningkatkan amal ibadat seharian sekali gus menjadikan Masjid (Pusat Islam) berfungsi sebagai pusat penghayatan Islam. Sebab lain juga adalah kerana mereka berbuat demikian agar Masjid (Pusat Islam) menjadi pusat persaudaraan Islam. Ini bermakna pelajar ingin mengimarahkan Masjid (Pusat Islam) kerana disitulah tempat untuk menanamkan roh persaudaraan Islam sesama warga IPG.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang jelas berkaitan fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam kerana jumlah responden yang bersetuju dengan item-item berkaitan fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa responden yang terlibat dengan kajian ini mempunyai persepsi dan kefahaman yang jelas terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam dan secara tidak langsung memberi impak yang baik terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) di IPG

Persepsi pelajar tentang fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP Pendidikan Islam.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap persepsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah ($min=4.38, sp=0.381$). Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item mendapati tahap persepsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi sahaja. Analisis keseluruhan bagi hasil kajian yang diperolehi dapat dirujuk menerusi Jadual 4 di bawah:

Jadual 4 : Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi Masjid (Pusat Islam) Sebagai Pusat PdP Pendidikan Islam

Bil.	Item	Kekerapan & Peratus (N=233)					Min	SP	Tahap
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
C1	memudahkan saya untuk mendirikan solat dengan betul	1 0.4%	3 0.7	10 4.7%	105 45.0%	114 49.3%	4.42	0.650	Tinggi
C2	memudahkan saya menjalani amali di Masjid (Pusat Islam)	2 0.6%	3 1.4%	16 6.5%	103 44.3%	110 47.3%	4.36	0.715	Tinggi
C3	membantu saya mempraktikkan adab-adab semasa berada di Masjid (Pusat Islam)	1 0.2%	1 0.5%	12 5.7%	121 51.5%	98 42.1%	4.34	0.632	Tinggi
C4	memperkukuhkan kefahaman saya terhadap subjek Pendidikan Islam	1 0.3%	2 0.9%	19 8.0%	118 50.5%	93 40.3%	4.29	0.677	Tinggi
C5	mendorong saya melaksanakan solat fardu berjemaah	2 1.2%	4 2.0%	22 9.5%	101 43.3%	103 44.0%	4.26	0.809	Tinggi
C6	memberi peluang pensyarah Pendidikan Islam mengadakan aktiviti di luar kelas	2 0.9%	4 1.6%	21 9.1%	113 48.4%	93 40.0%	4.25	0.754	Tinggi
C7	memudahkan saya menghafaz ayat hafazan	1 0.8%	2 1.1%	23 9.7%	115 48.6%	92 39.8%	4.25	0.740	Tinggi
C8	mendorong saya mempraktikkan solat sunat	1 0.6%	2 0.9%	24 9.9%	117 50.6%	89 38.0%	4.24	0.716	Tinggi
C9	memberi peluang kepada saya terlibat dalam aktiviti keagamaan	1 0.2%	2 1.2%	18 8.2%	130 55.6%	82 34.7%	4.23	0.669	Tinggi
C10	membolehkan saya berbincang dengan pensyarah mengenai masalah agama	1 1.2%	3 1.6%	22 9.3%	118 50.9%	86 37.0%	4.20	0.768	Tinggi
C11	membantu saya aktif dalam aktiviti pembelajaran Pendidikan Islam	1 0.6%	2 1.1%	28 12.0%	121 52.2%	79 34.2%	4.18	0.725	Tinggi
C12	membantu mencapai hasrat suasana keagamaan (<i>iklim dini</i>) di IPG	1 0.6%	3 1.6%	26 11.0%	121 51.8%	82 35.0%	4.18	0.736	Tinggi
C13	menggalakkan saya aktif dalam aktiviti keagamaan	2 0.9%	3 1.5%	25 10.8%	123 52.8%	79 34.0%	4.17	0.749	Tinggi
C14	berjaya dalam peperiksaan subjek Pendidikan Islam	2 1.0%	5 2.2%	26 10.7%	130 56.4%	70 29.8%	3.97	0.753	Sederhana Tinggi
C15	membolehkan saya berbincang dengan kawan-kawan mengenai subjek pendidikan Islam	2 0.9%	7 3.0%	33 14.1%	122 52.1%	61 29.9%	3.90	0.795	Sederhana Tinggi
Min keseluruhan							4.38	0.381	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, dapatan yang diperoleh daripada analisis menunjukkan bahawa item (C1) seramai 94.3 peratus responden bersetuju dan seramai 1.1 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.42, $sp=0.650$. Item ini berada pada min yang tertinggi daripada 15 item. Manakala item (C14) seramai 86.2 peratus responden bersetuju dan seramai 3.2 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.11, $sp=0.753$, item (C15) seramai 82.0 peratus responden bersetuju

dan seramai 3.9 peratus responden tidak bersetuju dengan item ini di mana min ialah 4.07, $sp=0.795$. Ini menunjukkan bahawa item-item ini berada pada kumpulan item min tahap yang sederhana tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang jelas berkaitan fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP pendidikan kerana jumlah responden yang bersetuju dengan item-item berkaitan fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat pendidikan lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang tidak bersetuju. 13 item berada pada min yang tinggi iaitu antara 4.17 hingga 4.42 mana 2 item berada pada min sederhana tinggi iaitu antara 3.90 hingga 3.97. Ini menunjukkan bahawa responden yang terlibat dengan kajian ini mempunyai persepsi dan kefahaman yang jelas terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PDP PI dan secara tidak langsung memberi kesan yang positif terhadap fungsi Masjid (Pusat Islam) di IPG

Analisis Inferensi

H₀₁ Tidak terdapat hubungan antara penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar

Analisis data secara inferensi juga dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara dua konstruk utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu penghayatan Islam dan PdP PI di IPG. Analisis inferensi perhubungan ini telah dilakukan bagi menjawab soalan tiga kajian ini. Kaedah analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi membuat analisis inferensi perhubungan dalam kajian ini. Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal hubungan antara fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar dipaparkan dalam Jadual 5:

Jadual 5 Hubungan antara penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam)

Pelajar	r	Sig. P
Pusat Penghayatan Islam * PdP PI di Masjid (Pusat Islam)	0.581**	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras $p<0.01$
N=1604

Berdasarkan Jadual 5, Analisis korelasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang kukuh ($r=0.581$, $p<0.000$) antara fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar di IPG di Malaysia. Oleh itu, kekuatan hubungan di antara kedua pemboleh ubah yang dikaji adalah kukuh. Kecerunan adalah positif. Dalam hal ini menunjukkan korelasi adalah berkadar terus.

Secara keseluruhannya, analisis korelasi Pearson di atas menunjukkan wujud hubungan yang signifikan pada penghayatan Islam terhadap PdP PI di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar. Dengan ini H_{01} adalah ditolak.

5.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian Fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP Pendidikan Islam daripada persepsi pelajar ini jelas menunjukkan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran Islam pada tahap tinggi. Dapatan ini juga selari dengan dapatan berkaitan penggunaan masjid dan surau dalam pendidikan Islam berdasarkan kajian Fakrul Adabi (2006) dan Alias (2008) juga telah menunjukkan majoriti responden menyatakan melalui kelas agama yang mereka ikuti di masjid, mereka dapat meningkatkan amalan seperti solat berjemaah, solat sunat, puasa sunat dan amalan membaca al-Quran. Oleh itu dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan Masjid (Pusat Islam), surau awam dan masjid pada tahap yang sama iaitu dari aspek segi fungsi dan perlu diimarahkan lagi.

Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Halim et al.(2003) yang mana persepsi pelajar tentang fungsi Masjid (Pusat Islam) dalam pendidikan Islam adalah tinggi. Namun aktiviti-aktiviti masjid (Pusat Islam) masih lagi tertumpu kepada ibadat khususiah sahaja. Ini seiringan dengan u kajian Rusiah (2006), Ibrahim (2004), Jasmi (2011), Rosli (2011) dan Bani Hidayat (2014) berkaitan fungsi surau sekolah juga berperanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Justeru, fungsi surau sekolah harus selari dari aspek penggunaannya haruslah dapat menyeimbangkan antara teori dan amali dalam pengajaran dan pembelajaran Islam di masjid (Pusat Islam).

Manakala dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek fungsi masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam dalam kalangan pelajar IPGK pendidikan Islam pada tahap yang tinggi. Dilihat daripada skor min yang tertinggi didapati bahawa pelajar menyatakan semangat mencintai Agama Islam serta. Dapatan kajian ini juga sejajar dengan penerapan penghayatan akhlak yang direalisasikan melalui penekanan komponen adab dan akhlak di IPG khususnya yang berteraskan kepada empat aspek hubungan, iaitu hubungan dengan diri sendiri, individu lain, alam sekitar dan negara serta Rasul dan Pencipta di samping penekanan daripada enam bidang pembelajaran telah digariskan iaitu adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam menunaikan Ibadah (Asmawati 2006). Fenomena ini bersesuaian dengan konsep akhlak mulia yang menghendaki seseorang muslim mengadakan dengan Allah, manusia, diri, dan tubuh badannya sendiri agar ia dapat berkembang secara keseluruhan dan bersepadu dalam empat dimensi iaitu jasmani, mental, sosial, dan spiritual (Hasan 2002). Dapatan kajian ini menyokong pandangan Khadijah (1999) menjelaskan bahawa penghayatan akhlak merupakan suatu tingkah laku yang sudah

sebagi di dalam diri seseorang dan dilakukan secara berterusan dan muncul daripada diri seseorang secara spontan.

Dapatan ini secara umumnya menyokong dapatan kajian Ibrahim (2004) dan Rusiah (2006) yang menyatakan bahawa kewujudan surau sekolah sebagai pusat penghayatan Islam telah meningkat tahap sahsiah menerusi aktiviti-aktiviti keagamaan bersempena hari-hari kebesaran dalam Islam berjaya membentuk sahsiah pelajar-pelajar Islam. Dapatan ini secara umum juga selaras dengan konsep penghayatan dalam menyuburkan suasana keagamaan (iklim *dini*) di IPG khususnya dan di sekolah amnya dengan pelbagai aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam dan kegiatan keagamaan di sekolah yang berlaku di persekitaran sekolah dan IPG. (Ishak 2011; Mahi Din Sari 1998).

Dapatan kajian mendapati wujudnya perhubungan yang kukuh antara fungsi Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) IPG di Malaysia dalam kalangan pelajar. Dapatan ini secara umumnya bersesuaian prinsip dalam al-Quran bahawa fungsi masjid mahupun surau sekolah dengan PdP PI di surau sekolah mempunyai perkaitan yang kuat dengan suburnya usaha-usaha pengimarahkan masjid oleh orang-orang beriman (al-Taubah 9:18; al-Jin 72:18; al-Nur 15:36; al-Baqarah 2:114; al-Baqarah 2:127).

Selanjutnya, dapatan analisis secara terperinci pula menunjukkan bahawa wujudnya korelasi yang signifikan (positif) antara PdP PI dan penghayatan Islam di Masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar. Hasil analisis kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang kukuh antara dengan PdP PI dan penghayatan Islam di masjid (Pusat Islam) dalam kalangan pelajar di IPGk Pendidikan Islam. Oleh itu, kekuatan hubungan di antara kedua pemboleh ubah yang dikaji adalah kukuh. Dapatan ini menunjukkan semua hipotesis nul yang dibangunkan tertolak.

Kesemua hubungan yang wujud adalah hubungan positif yang sangat signifikan. Kekuatan hubungan ini membuktikan bahawa kedua-dua elemen ini iaitu penghayatan Islam dengan PdP PI di Masjid (Pusat Islam) amat perlu saling berkait bagi pelajar khususnya untuk meningkatkan lagi penggunaan surau Masjid (Pusat Islam) IPG bersesuaian dengan pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan Islam seperti Ibn Khaldun (2000) bahawa kesan pembinaan Masjid Nabawi telah menjadi institusi ini penting dalam menyebarkan ilmu serta Baginda S.A.W. juga telah memainkan peranan yang amat luas dalam menyebarluaskan Pendidikan Islam serta membimbing manusia ke jalan Allah SWT.

6.0 RUMUSAN

Dalam kajian ini pemboleh ubah Masjid (Pusat Islam) sebagai pusat PdP pendidikan Islam dan penghayatan Islam adalah pada tahap tinggi. Sehubungan dengan itu jika pensyarah di IPG ingin meningkat lagi fungsi Masjid (Pusat Islam) dalam pengajaran dan pembelajaran Islam dan penghayatan Islam dan, maka mereka hendaklah memastikan fungsi sebenar di Masjid (Pusat Islam) harus benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Bagi pelajar yang menjalani pembelajaran di Masjid (Pusat Islam) perlu mendapat sokongan dan galakan dari pentadbir dan warga IPG khususnya pensyarah supaya implikasi fungsi Masjid (Pusat Islam) akan dapat dimarahkan. Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya hubungan aspek-aspek antara fungsi Masjid (Pusat Islam) dalam PdP PI dan penghayatan Islam diberi penekanan yang penting dalam proses pendidikan Islam di IPG.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin dan Tajul Ariffin Nordin. 2003. Fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam : Satu kajian di sekolah-sekolah menengah di Negeri Selangor. Kajian penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Alias Abdullah. 2008. Program Masjid di Kuala Terengganu: Kajian Tentang Keberkesannya. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Asmawati Suhid. 2006. A study on Malaysian students' readiness to learn Islamic etiquette and morality. *Muslim Education Quarterly* 23(3): 62-70.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam, KP.5206 /12/5/ (17), 2 Mac 1989
- Bahagian Pendidikan Islam. 2014. *Panduan Pengurusan Surau sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*
- Bani Hidayat Mohd Shafie. 2014. Fungsi Surau Sekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fakrul Adabi. 2006. Kelas Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesannya. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

- Ibn Khaldun. 2000. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mohammad. 2004. Peranan Surau Sekolah dalam Pembangunan Sahsiah Murid Islam di Sekolah Menengah Daerah Kulai, Johor. Tesis Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi Amin. 2011. Penggunaan Surau dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah kebangsaan di Negeri Melaka. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi bin Amin, Ab. Halim Tamuri & Noor Zaly Moktar Kasim. 2010. Peranan Surau Sekolah Sebagai Pusat Kecemerlangan P&P Pendidikan Islam. *International Conference On Islamic Education 2010*. Hlm: 287 – 302.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Faez Ilias. 2011. Penggunaan masjid dan persekitaran sekolah dalam amalan pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. Dalam prosiding Seminar Pengurusan masjid inovatif peringkat Antarabangsa; IAIN Ar- Raniry, Banda Aceh, 23-24 April 2011
- Khadijah Abdul Razak. 1999. Pendidikan akhlak; konsep dan peranannya dalam pembentukan insan. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Panduan pelaksanaan amali Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. Data EMIS KPM sehingga 30 Jun 2011
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Panduan pelaksanaan amali Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. Data EMIS KPM sehingga 30 Jun 2011
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. 2008. *Pengimarahannya masjid dalam agenda ummah*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunnally, J. C. 1976. *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.
- Rosli Ibrahim. 2011. Penilaian Pelajar Terhadap Fungsi Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Harian di Daerah Pasir Mas Kelantan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusiah Saad. 2006. Surau Sekolah Sebagai Wadah Pendidikan. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. The ed. Boston: Russel & Russel.